



PERATURAN LALU LINTAS JALAN

UNIVERSITI PERTAHANAN
NASIONAL MALAYSIA

*Peraturan ini telah diluluskan pada Mesyuarat Eksekutif Naib Canselor Bil.4/2016,
Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil.4/2016 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah
Universiti Bil.4/2016*



PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

(LALU LINTAS JALAN)

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan Permulaan Kuatkuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Undang-Undang Berkaitan
5. Pihak Berkuasa Lalulintas Jalan Universiti
6. Kebenaran Bertulis Bagi Menyimpan, Membawa, Memiliki Atau Mempunyai Kenderaan Motor Di Dalam Kampus
7. Kuasa Pihak Berkuasa Lalulintas Jalan Universiti Untuk Tidak Memberikan Kebenaran
8. Kesalahan-Kesalahan Lalu Lintas Di Kampus
9. Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Lalulintas Jalan Universiti
10. Kuasa Pembatalan Pelekat Kenderaan
11. kompaun Kesalahan Lalu Lintas Jalan Universiti
12. Kegagalan Membayar Kompaun
13. Mengapit Dan/ Atau Mengunci Roda

14. Kesalahan Lalu Lintas Jalan Berulang
15. Menunda Kenderaan
16. Kenderaan Motor Yang Ditinggalkan
17. Rayuan
18. Tanggungjawab pekerja, pekerja luar dan pelawat terhadap Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas Jalan) 2016
19. Pindaan
20. Peruntukan-Peruntukan Di Bawah Bahagian IV Kaedah-Kaedah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 Adalah Terpakai *Mutatis Mutandis*

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN
NASIONAL MALAYSIA
(LALU LINTAS)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 4 (1)(t) Perlembagaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Lembaga dengan ini membuat Peraturan-peraturan berikut :

1. NAMA DAN PERMULAAN KUAT KUASA

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas Jalan) dan hendaklah mula berkuatkuasa pada **02 DISEMBER 2016**
- 1.2 Peraturan ini disifatkan mula berkuat kuasa pada tarikh ia diluluskan oleh Lembaga.
- 1.3 Peraturan-Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas) 2013 adalah dimansuhkan dengan serta-merta.

2. PEMAKAIAN

- 2.1 Peraturan ini digubal bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kelancaran lalu lintas di dalam kawasan Kampus.
- 2.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan mana-mana pengguna jalan raya yang berada di dalam Kampus Universiti.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti kepada mana – mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam Kampus;

“Kampus” ertinya kawasan Kampus Universiti Pertahanan Nasional Malaysia termasuk tanah, bangunan dan asrama/kolej kediaman termasuk:-

- i. Mana-mana kawasan Kampus Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang telah didiami dan/atau yang akan didirikan dari semasa ke semasa.

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya tiap-tiap perihalan kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik itu menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

“kesalahan lalu lintas” ertinya kesalahan yang ditetapkan dalam Peraturan 8 / Jadual Pertama;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia;

“pekerja” ertinya semua staf yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik Universiti secara tetap, sementara, kontrak atau sambilan,

dibayar emolumen oleh Universiti, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di Universiti secara pinjaman;

“pekerja luar” ertinya mana-mana orang yang bukan pekerja Universiti yang menjalankan sesuatu kerja tetap atau sementara di dalam Kampus Universiti dengan kebenaran pihak Universiti;

“pelajar”, termasuklah mana-mana pelajar berdaftar di Universiti yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-ijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

“pelawat” ertinya mana-mana orang yang datang melawat ke Kampus Universiti;

“Pengawal Keselamatan” ertinya semua peringkat jawatan anggota keselamatan yang dilantik oleh pihak berkuasa Universiti dan ditugaskan mengawal keselamatan dalam Kampus;

“Pegawai Keselamatan” ertinya pegawai keselamatan gred KP 41 dan ke atas yang dilantik oleh pihak berkuasa Universiti dan ditugaskan mengawal keselamatan dalam Kampus;

“Pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti” ertinya Naib Canselor atau, mengikut mana-mana yang sesuai, mana-mana Pegawai Keselamatan, mana-mana Pengawal Keselamatan yang diwakilkan oleh Naib Canselor dengan fungsi, kuasa atau kewajipan di bawah Peraturan-peraturan ini;

“tanda lalu lintas” termasuklah apa-apa isyarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas

atau berhampiran dengan jalan untuk makluman, panduan atau arahan kepada orang-orang yang menggunakan jalan;

“Universiti” ertinya Universiti Pertahanan Nasional Malaysia;

4. UNDANG-UNDANG BERKAITAN

- 4.1 Peraturan ini hendaklah digunakan bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan undang-undang berkaitan iaitu :
 - 4.1.1 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];
 - 4.1.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605];
 - 4.1.3 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Kaedah-Kaedah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009;

dan hendaklah termasuk sebarang pindaan-pindaan yang terkandung di dalamnya.

5. PIHAK BERKUASA LALULINTAS JALAN UNIVERSITI

- 5.1 Pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti ke atas pelajar-pelajar, pekerja, pelawat, pekerja luar dan mana-mana pengguna jalan yang lain adalah Naib Canselor yang telah diperturunkan kuasa oleh Lembaga melalui Peraturan-peraturan ini.
- 5.2 Naib Canselor yang menjadi pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti di bawah sub-peraturan (1) hendaklah mempunyai kuasa-kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 9.
- 5.3 Naib Canselor boleh mewakilkan fungsi, kuasa atau kewajipannya berkaitan lalulintas jalan Universiti kepada mana-mana Pegawai Keselamatan, mana Pengawal Keselamatan atau jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti.

6. KEBENARAN BERTULIS BAGI MENYIMPAN, MEMBAWA, MEMILIKI ATAU MEMPUNYAI KENDERAAN ATAU KENDERAAN MOTOR DI DALAM KAMPUS

- 6.1 Seseorang pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan pengguna jalan yang bercadang hendak menyimpan, membawa atau menggunakan apa-apa kenderaan motor di dalam Kampus hendaklah, memohon dan memperolehi daripada pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu tertakluk kepada sub-peraturan (2).
- 6.2 Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah secara bertulis dengan menyatakan perihalan kenderaan motor itu dan hendaklah disertai dengan cukai jalan yang sah, polisi insurans yang sah, lesen memandu yang sah dan apa-apa dokumen yang relevan sebagaimana yang dinyatakan oleh Universiti.
- 6.3 Kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti akan diberikan dalam bentuk pelekat kenderaan atau pas khas atau apa-apa bentuk sebagaimana ditentukan oleh Universiti.
- 6.4 Kebenaran bertulis itu hendaklah diperbaharui pada setiap tahun dan peruntukan sub-peraturan (1) dan (2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi suatu permohonan untuk pembaharuan itu.
- 6.5 Pelekat kenderaan atau pas khas yang sah itu hendaklah dipamerkan pada bila-bila masa secara mudah dilihat pada bahagian hadapan kenderaan motor.
- 6.6 Seseorang pelajar, pekerja, pekerja luar dan mana-mana pengguna jalan yang lain yang membawa kenderaan atau kenderaan motor tanpa kebenaran Universiti adalah merupakan satu kesalahan yang boleh dikompaun dan tidak dibenarkan menggunakan kawasan parkir di dalam Kampus Universiti.

7. KUASA PIHAK BERKUASA LALULINTAS JALAN UNIVERSITI UNTUK TIDAK MEMBERIKAN KEBENARAN

- 7.1 Pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti boleh tidak memberi kebenaran di bawah Peraturan 6 di atas, atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan jika ia berpuas hati bahawa kebenaran atau pembatalan apa-apa kebenaran yang diberikan itu bukan untuk kepentingan Universiti bagi pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan pengguna-pengguna jalan lain yang memegang kebenaran itu.
- 7.2 Pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti juga boleh tidak memberi kebenaran di bawah Peraturan 6 di atas atau menyenaraihitamkan, membatalkan atau menggantung apa-apa kebenaran bagi suatu tempoh masa yang difikirkan wajar kepada pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan mana-mana pengguna jalan kerana kegagalan menjelaskan kompaun tertunggak ke atas mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-peraturan ini.
- 7.3 Seseorang pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan mana-mana pengguna jalan yang dibatalkan atau digantung kemudahan pelekat kenderaan atau pas khas tidak dibenarkan meletak kenderaan motor di kawasan Kampus bagi suatu tempoh masa kemudahan tersebut dibatalkan atau digantung.
- 7.4 Jika pada pendapat pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti bahawa pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan mana-mana pengguna jalan telah menyalahgunakan kebenaran yang diberikan oleh pihak berkuasa lalulintas jalan dan parkir Universiti untuk menyimpan, membawa atau menggunakan kenderaan motor di bawah Peraturan ini, maka kebenaran itu boleh ditarik balik oleh pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti.

8. KESALAHAN-KESALAHAN LALU LINTAS DI KAMPUS

- 8.1 Seseorang pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan pengguna jalan adalah dilarang melakukan perkara-perkara berikut :

8.1.1 Memandu melebihi had laju

Tiada seseorang pun boleh memandu kenderaan motor dalam Kampus melebihi had laju yang ditetapkan. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8 dan Jadual Pertama.**

8.1.2 Memandu kenderaan di atas jalan atau laluan yang tidak dibenarkan

Tiada seseorang pun boleh memandu kenderaan atau kenderaan motor di mana-mana tempat melainkan di bahagian jalan atau laluan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan atau kenderaan motor. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8 dan Jadual Pertama.**

8.1.3 Memandu kenderaan di atas lorong dan sebagainya

Tiada seseorang pun boleh memandu sesebuah kenderaan di atas koridor beranda, kaki lima, halangan berkepung atau di mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan dalam Kampus. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8 dan Jadual Pertama.**

8.1.4 Meletak kenderaan atau kenderaan motor secara menghalang

Tiada seseorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan atau kenderaan motor di mana-mana tempat dengan apa-apa cara yang boleh menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan atau kenderaan motor lain. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di

bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.5 Menggunakan ruang letak kenderaan atau kenderaan motor yang diuntukkan

Tiada seseorang pun boleh meletakkan kenderaan atau kenderaan motor di ruang letak kenderaan yang diuntukkan bagi kenderaan atau kenderaan motor tertentu. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.6 Membonceng

- i. Seseorang yang menunggang motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal itu.
- ii. Sesiapa pun tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang ditunggang oleh mana-mana orang, sama ada pelajar, pekerja atau bukan, berlanggaran dengan sub-perenggan (i).
- iii. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.7 Tidak mematuhi arahan dan tanda lalu lintas

Seseorang pelajar, pekerja, pekerja luar, pelawat dan pengguna jalan hendaklah mematuhi semua arahan dan tanda lalu lintas di dalam Kampus. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.8 Tidak mengemukakan lesen memandu apabila diminta

Mana-mana pelajar, pekerja, pekerja luar, dan pelawat dan pengguna jalan yang memandu atau mengawal sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, dan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa, dan/atau lesen memandu antarabangsa yang sah dan diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bersama-sama dengan kad pengenalan Universiti dan hendaklah mengemukakannya untuk diperiksa oleh mana-mana pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti apabila dikehendaki berbuat demikian. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.9 Halangan kepada aliran lalu lintas

Sesiapa pun tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang lancar dan teratur di dalam Kampus. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.10 Larangan meletak kenderaan atau kenderaan motor

Tiada seorangpun boleh meletak kenderaan atau kenderaan motor di tempat-tempat berikut :

- i. kawasan larangan meletak kenderaan;
- ii. di kawasan garisan kuning atau petak kuning;
- iii. di kaki lima bangunan (“pavement”);
- iv. di hadapan tangga atau pintu masuk mana-mana bangunan;

- v. di persimpangan jalan atau bahu jalan yang bukan kawasan parkir;
- vi. ruang parkir Orang Kurang Upaya (OKU);
- vii. ruang parkir kenderaan Universiti;
- viii. ruang kecemasan atau ruang yang diperuntukkan untuk pili bomba;
- ix. di padang kawad (Dataran Wawasan);
- x. di kawasan padang/ gelanggang permainan;
- xi. di bahu jalan;
- xii. mana-mana bahagian bangunan yang tidak dibenarkan meletakkan kenderaan; atau
- xiii. mana-mana tempat dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya dan halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang, kenderaan atau kenderaan motor lain.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.11 Merosakkan atau memusnahkan harta benda Universiti

- i. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan ini sehingga mengakibatkan kerosakan atau kemusnahan harta Universiti adalah merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

- ii. Sebagai tambahan kepada sub-peraturan (1) di atas, pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti boleh memerintahkan mana-mana orang membayar pampasan ke atas apa-apa kerosakan atau kemusnahan pada mana-mana harta Universiti.
 - iii. Amaun pampasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti hendaklah amaun yang adil dan munasabah.
 - iv. Pampasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti hendaklah dibayar kepada Bendahari dan/atau wakilnya dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti.
- 8.1.11.1 Apa-apa pampasan di bawah Peraturan ini, yang kena dibayar atau dibayar, hendaklah tanpa menjelaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan atau hak mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan itu

8.1.12 Pemakaian topi keledar

Sesiapa yang menunggang motosikal dan/atau membongeng motosikal hendaklah memakai topi keledar sepanjang masa ketika menunggang motosikal itu. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **Peraturan 8** dan **Jadual Pertama**.

8.1.13 Pemakaian tali pinggang keledar

Sesiapa yang memandu kenderaan atau menaiki kenderaan yang sedang bergerak hendaklah memakai tali pinggang keledar sepanjang masa ketika memandu kenderaan atau berada di dalam kenderaan yang bergerak tersebut. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana kesalahan di bawah Peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **Peraturan 8 dan Jadual Pertama**.

- 8.2 Pelajar atau pekerja yang gagal dan/atau ingkar untuk mematuhi Peraturan 8.1.8 boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di Universiti.

9. KUASA-KUASA PIHAK BERKUASA LALULINTAS JALAN UNIVERSITI

- 9.1 Di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti hendaklah mempunyai kuasa-kuasa termasuklah:
 - 9.1.1 Membuat dasar berkenaan pentadbiran dan penguatkuasaan lalulintas jalan Universiti termasuk berkuasa menubuahkan jawatankuasa kecil di bawahnya;
 - 9.1.2 Melarang kenderaan atau kenderaan motor yang tidak ada atau tidak menampal pelekat kenderaan yang sah dari memasuki kawasan Kampus;
 - 9.1.3 Menahan atau memberhentikan mana-mana kenderaan atau kenderaan motor atau mana-mana orang yang melanggar Peraturan-peraturan ini dalam kawasan Kampus bagi tujuan mengambil sebarang maklumat mengenainya yang difikirkan perlu untuk tindakan lanjut;
 - 9.1.4 Mengarahkan mana-mana kenderaan atau kenderaan motor untuk meninggalkan Kampus Universiti;

- 9.1.5 Mengeluarkan notis kompaun/ saman kesalahan lalu lintas kepada mana-mana orang atau kepada mana-mana kenderaan atau kenderaan motor yang melakukan kesalahan lalu lintas di dalam Kampus di bawah Peraturan-peraturan ini;
 - 9.1.6 Mengapit dan/atau mengunci roda dan/atau menunda/mengalihkan mana-mana kenderaan atau kenderaan motor yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-peraturan ini;
 - 9.1.7 Menarik balik atau menggantung kebenaran bagi membawa, menyimpan atau memiliki kenderaan atau kenderaan motor di dalam Kampus Universiti;
 - 9.1.8 Menyenggara suatu daftar berkaitan kesalahan lalulintas jalan Universiti; daftar ini hendaklah merekodkan nama-nama orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan ini, butir-butir kesalahan, keputusan kesalahan, dan maklumat-maklumat atau butir-butir sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor;
 - 9.1.9 Melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk tindakan tatatertib jika difikirkan perlu di atas kesalahan yang dilakukan oleh pelajar atau pekerja Universiti; dan
 - 9.1.10 Mengambil apa-apa jua tindakan lain yang difikirkan sesuai atau yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Universiti bagi menguatkuasakan Peraturan ini.
- 9.2 Pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti boleh, dengan budi bicaranya, memberikan teguran sebelum sesuatu tindakan kompaun seperti yang disenaraikan di dalam **Jadual Pertama** dikenakan ke atas mana-mana orang.
- 9.3 Pelajar atau pekerja yang gagal dan/atau ingkar untuk mematuhi Peraturan 9.1.3 boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di Universiti.

10. KUASA PEMBATALAN PELEKAT KENDERAAN

- 10.1 Pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti boleh membatalkan atau menggantungkan bagi satu tempoh masa yang tidak melebihi enam (6) bulan keistimewaan pelekat kenderaan yang dikeluarkan kepada seseorang pelajar, pekerja atau pekerja luar yang telah melakukan pelanggaran di bawah Peraturan-peraturan ini.
- 10.2 Pelajar, pekerja atau pekerja luar yang dibatalkan atau digantung keistimewaan pelekat kenderaan tidak berhak membawa kenderaan atau kenderaan motor di dalam Kampus bagi tempoh masa keistimewaan tersebut dibatal atau digantung.

11. KOMPAUN KESALAHAN LALU LINTAS JALAN UNIVERSITI

- 11.1 Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan di dalam Peraturan-peraturan ini boleh dikenakan kompaun sebagaimana yang disenaraikan di dalam **Jadual Pertama**.
- 11.2 Kompaun yang dikeluarkan di bawah Peraturan ini hendaklah dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengeluaran kompaun tersebut.
- 11.3 Kompaun hendaklah dibayar kepada Bendahari atau wakilnya setelah kompaun dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 11.4 Sebarang pengurangan kompaun yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan ini boleh diputuskan oleh pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti.

12. KEGAGALAN MEMBAYAR KOMPAUN

- 12.1 Jika mana-mana orang yang melakukan kesalahan di dalam Peraturan-peraturan ini gagal membayar kompaun dalam tempoh yang ditetapkan maka mana-mana satu tindakan sesuai yang berikut:
 - (a) **Tindakan Tatatertib**

Tindakan tata tertib boleh diambil bagi kesalahan lalulintas yang dilakukan oleh mana-mana pekerja atau pelajar.

(b) Senarai Hitam

Menyenaraihitamkan mana-mana kenderaan motor pelawat atau pekerja luar atau mana-mana syarikat pemunya kenderaan motor tersebut yang mempunyai kompaun tertunggak melebihi tiga (3) kali dan melarang kenderaan motor berkenaan memasuki kawasan Kampus sehingga denda tertunggak dijelaskan sepenuhnya.

13. MENGAPIT DAN/ ATAU MENGUNCI RODA

- 13.1 Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Peraturan 11, pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti boleh dan berhak mengapit dan/atau mengunci roda mana-mana kenderaan motor yang didapati tidak mengikut Peraturan-peraturan berkaitan dengan parkir kenderaan. Jika mana-mana pemandu suatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan yang tidak berpatutan kepada kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalulintas, pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti boleh mengapit dan/atau mengunci roda kenderaan motor itu sebagaimana yang dinyatakan di dalam suatu notis dan ditinggalkan di atas risiko pemunya.
- 13.2 Jika sesuatu kenderaan motor diapit dan/atau dikunci rodanya di bawah sub-peraturan (1), pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti berkenaan hendaklah dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya tentang pengapitan dan/atau penguncian roda itu dan menghendaknya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor itu, dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari waktu notis itu untuk hadir dan meminta supaya

kenderaan itu dilepaskan dan jika tidak ada tuntutan diterima dalam tempoh itu, kenderaan motor itu bolehlah dialihkan ke tempat yang sesuai dan segala kos ditanggung oleh pemunya kenderaan.

- 13.3 Selepas diterima tuntutan di bawah sub-peraturan (2), kenderaan motor itu bolehlah dilepaskan setelah kompaun sebanyak RM100-00 dibayar kepada Kuasa Pihak Berkuasa Lalulintas Jalan Universiti..
- 13.4 Jika dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pengalihan itu kenderaan motor itu tidak dituntut, kenderaan motor itu boleh dilupuskan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang semasa dan Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian kepada pemunya kenderaan.
- 13.5 Pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungannya semasa ia diapit dan/atau dikunci atau dialihkan, melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaian atau dengan sengaja.

14. KESALAHAN LALULINTAS JALAN BERULANG

- 14.1 Jika seseorang pelajar atau pekerja melakukan kesalahan lalulintas jalan berulang melebihi dua (2) kali, pelajar atau pekerja berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Universiti.
- 14.2 Bayaran kompaun boleh ditolak oleh Universiti jika pelajar atau pekerja berkenaan telah dituduh dan dikenakan tindakan tatatertib.
- 14.3 Jika mana-mana pelawat atau pekerja luar melakukan kesalahan lalulintas jalan dan parkir berulang melebihi tiga (3) kali, maka kenderaan pelawat atau pekerja luar akan disenarai hitamkan dan kenderaan motor berkenaan boleh tidak dibenarkan memasuki kawasan Kampus.

15. MENUNDA KENDERAAN

- 15.1 Universiti mempunyai hak untuk menunda mana-mana kenderaan motor yang diletakkan atau diparkir di kawasan atau tempat yang tidak dibenarkan di dalam Kampus Universiti.
- 15.2 Mana-mana kenderaan motor yang ditunda akan ditempatkan di sebuah tempat yang ditentukan oleh Universiti.
- 15.3 Sebarang kos menunda dan menyimpan kenderaan motor seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan ini akan ditanggung oleh pemilik berdaftar kenderaan motor berkenaan.
- 15.4 Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan ke atas kenderaan motor yang ditunda di bawah Peraturan ini.

16. KENDERAAN MOTOR YANG DITINGGALKAN

- 16.1 Universiti berhak mengalih, atau mengarahkan supaya kenderaan motor yang ditinggalkan itu dialihkan dari dalam Kampus Universiti ke suatu tempat yang ditentukan oleh Universiti.
- 16.2 Bagi tujuan Peraturan ini, kenderaan motor yang ditinggalkan bermaksud kenderaan motor yang diparkir di dalam Kampus Universiti melebihi enam puluh (60) hari berterusan tanpa bergerak.
- 16.3 Jika kenderaan motor yang ditinggalkan di tempat tertentu masih lagi berada dalam tempoh enam puluh (60) hari, maka Universiti mempunyai hak untuk melupuskan kenderaan motor itu mengikut prosedur pelupusan yang ditetapkan oleh Universiti.
- 16.4 Notis-notis bertulis akan dikeluarkan kepada pemilik berdaftar kenderaan motor berkenaan sebelum kenderaan motor itu dialih atau dilupuskan mengikut sub-peraturan (2) dan (3).

- 16.5 Sebarang notis, surat, dan sebagainya yang dikehendaki supaya diberikan atau disampaikan bagi tujuan Peraturan ini, hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya jika diserahkan atau disampaikan melalui pos berdaftar ke alamat terakhir yang didaftarkan di Universiti.
- 16.6 Segala kos berkaitan dengan pengalihan, penundaan atau pelupusan kenderaan motor yang ditinggalkan di dalam Kampus Universiti akan ditanggung oleh pemilik berdaftar kenderaan motor tersebut.
- 16.7 Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan ke atas kenderaan motor yang ditunda di bawah Peraturan ini.

17. RAYUAN

Sebarang rayuan terhadap tindakan yang dilakukan di bawah Peraturan-peraturan ini oleh mana-mana orang hendaklah dibawa kepada Naib Canselor atau Pengarah Keselamatan, Bahagian Keselamatan, UPNM (sekiranya Naib Canselor memberikan perwakilan kuasa tersebut kepada beliau).

18. TANGGUNGJAWAB PEKERJA, PEKERJA LUAR DAN PELAWAT TERHADAP PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (LALU LINTAS) 2016

Tiada apa-apa juu dalam Peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar, pekerja, pekerja luar dan pelawat atau mana-mana pengguna jalan bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

19. PINDAAN

Melainkan seperti yang dinyatakan di dalam sub-peraturan (2), Lembaga boleh membuat sebarang pindaan, memansuhkan atau membatalkan apa-apa peruntukan di dalam Peraturan-peraturan ini dari semasa ke semasa.

20. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DI BAWAH BAHAGIAN IV KAEADAH-KAEADAH UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 2009 ADALAH TERPAKAI *MUTATIS MUTANDIS*

Peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian IV Kaedah-Kaedah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 yang berkaitan dengan tatatertib lalulintas jalan adalah berkuat kuasa dan terpakai *mutatis mutandis* kepada pelajar-pelajar bagi maksud Peraturan-peraturan ini.

JADUAL PERTAMA

SENARAI KESALAHAN LALU LINTAS JALAN DI KAMPUS DAN KADAR KOMPAUN

BIL.	KESALAHAN	PERATURAN	KADAR KOMPAUN
1.	Menyimpan, memiliki, mempunyai, menggunakan kenderaan atau kenderaan motor di dalam Kampus tanpa kebenaran bertulis Universiti	6	RM 100.00
2.	Memandu melebihi had laju	8.1.1	RM 100.00
3.	Memandu kenderaan di atas jalan atau laluan yang tidak dibenarkan	8.1.2	RM 100.00
4.	Memandu kenderaan di atas lorong, koridor beranda atau kaki lima	8.1.3	RM100.00
5.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor secara menghalang	8.1.4	RM100.00
6.	Menggunakan ruang letak kenderaan atau kenderaan motor yang diuntukkan bagi kenderaan tertentu	8.1.5	RM100.00
7.	Menunggang Motosikal dengan membawa lebih daripada seorang pembonceng	8.1.6 (i)	RM50.00
8.	Membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal melebihi daripada dua orang	8.1.6 (ii)	RM50.00
9.	Melanggar arahan dan tanda lalu lintas	8.1.7	RM100.00
10.	Enggan mengemukakan kad pengenalan universiti dan/atau lesen memandu apabila diminta	8.1.8	i.Amaran ii. Denda RM50.00
11.	Memandu atau menunggang kenderaan atau kenderaan motor tanpa lesen memandu yang sah	8.1.8	RM100.00
12.	Meletak kenderaan menghalang aliran lalu lintas	8.1.9	RM100.00

13.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di kawasan larangan meletak kenderaan	8.1.10 (i)	RM100.00
14.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di kawasan garisan kuning atau petak kuning	8.1.10 (ii)	RM100.00
15.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di ruang parkir Orang Kurang Upaya (OKU)	8.1.10 (vi)	RM100.00
16.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di ruang parkir kenderaan Universiti	8.1.10 (vii)	RM100.00
17.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di bahu jalan	8.1.10 (xi)	RM100.00
18.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di ruang kecemasan atau ruang yang diperuntukkan untuk pili bomba	8.1.10 (viii)	RM100.00
19.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di padang kawad (Dataran Wawasan)	8.1.10 (ix)	RM100.00
20.	Meletak kenderaan atau kenderaan motor di kawasan padang/ gelanggang permainan	8.1.10 (x)	RM100.00
21.	Tidak memakai topi keledar atau talipinggang keledar	8.1.12 dan 8.1.13	RM50.00
22.	Merosakkan alat kunci roda dan/atau kapit roda	8.1.11	RM100.00 dan/atau bayaran ganti rugi
23.	Tidak memberhentikan kenderaan apabila diminta oleh pihak berkuasa lalulintas jalan Universiti	9.1.3	i. Amaran dan/atau ii. Denda RM50.00